

# KOLABORATIF KREATIF SEKOLAH DAN KOMUNITI: MERANGKAI TITIK-TITIK FOKUS SEKOLAH TS 25

Dr. Siti Hajar binti Man  
SIPartner+  
PPD Petaling Perdana, Selangor

## ABSTRAK

Satu elemen penting dalam kerangka TS25 bagi mencapai kemenjadian murid ialah hubungan sekolah dan komuniti. Namun isu yang timbul bagaimana sekolah dapat merangkai titik-titik membina hubungan kolaboratif dengan komuniti khususnya ibu bapa. Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) mengutarakan tiga faktor penting dalam model penglibatan ibu bapa iaitu kepercayaan tentang keperluan penglibatan dalam pendidikan anak mereka, efikasi sendiri ibu bapa dan sikap terbuka sekolah terhadap ibu bapa. Berger (1983) mengkategorikan penglibatan ibu bapa kepada (a) ibu bapa yang mengelak dari sekolah, (b) ibu bapa perlu galakan dari sekolah (c) ibu bapa sukarela datang jika dijemput (d) ibu bapa komited dan berasa seronok melibatkan diri dan (e) ibu bapa suka menonjolkan kuasa dan pengaruh di sekolah. Dalam konteks ini, bagaimana kepimpinan sekolah mengadunkan kategori ibu bapa dalam menentukan hubungan tiga dimensi sekolah, ibu bapa dan komuniti amat penting.. Penglibatan ibu bapa berupa perbincangan, penjagaan dan komunikasi di rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Teori *overlapping influence* paling sesuai untuk merealisasikan kolaboratif sekolah dan ibu bapa Kemungkinan halangan-halangan yang boleh menyekat perkongsian ini ialah masa jarak lokasi, pentadbir yang kurang arif dan kelonggaran *teamwork* dalam kalangan warga sekolah.

**Kata kunci:** TS25, kemenjadian murid, merangkai titik-titik, teori *overlapping influence*

## LATAR BELAKANG

Kolaboratif sekolah dengan komuniti untuk mencemerlangkan organisasi dalam pengurusan perubahan sekolah adalah seiring dengan transformasi pendidikan negara. Sanders dan Harvey (2002), Stefanski dan Jacobson (2013, 2014) menunjukkan strategi perubahan di sekolah ialah permuafakatan antara sekolah dengan komuniti. Permuafakatan antara sekolah dengan komuniti dalam pendidikan telah berlaku sebelum penjajahan bermula dalam Penyata Razak (1956) dan berkesinambungan hingga ke hari ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Dalam Gelombang Pertama PPPM 2013-2015, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha meningkatkan peranan komuniti untuk membantu pendidikan murid dan mengaitkan bantuan kewangan untuk murid miskin. KPM seterusnya meningkatkan pelibatan ibu bapa dan mengupayakan PIBG dengan memperluas pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) dan Kumpulan Sokongan Ibu bapa atau Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah (Siti Aliah Ismail, Muhamad Suhaimi Taat & Jamaluddin Mohd Ali, 2016). Terkini dalam perkembangan transformasi PIBG ialah SdK (Sukarelawan dalam Kelas) berkonsepkan kolaboratif ibu bapa/penjaga dan komuniti sebagai rakan strategik dan mewujudkan sokongan berterusan

terhadap aktiviti pembelajaran anak. SdK melibatkan pengintegrasian sumbangan dari segi kepakaran bidang masing-masing namun masih tertakluk kepada etika profesionalisme keguruan semasa proses PdP (SdK, KPM 2018). SdK yang diamalkan di SK Desa Pandan & SK Taman Kota Kulai 2 menunjukkan kolaboratif kreatif antara sekolah dan komuniti. Penilaian kehebatan sarana sekolah pula dilihat dari segi PIBG/LPS yang aktif, Persatuan Alumni yang sering menganjurkan program sekolah, program khas untuk pelibatan komuniti di sekolah, sekolah mengambil bahagian dalam aktiviti komuniti dan menggalakkan kemudahan sekolah digunakan untuk program komuniti (Sarana Sekolah, n.d.).

KPM turut menghasilkan “Buku Pelibatan Ibu Bapa” sebagai Inisiatif #62 Peluasan Pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Ekosistem Sekolah Suatu Inisiatif Utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sokongan ibu bapa, peranan ibu bapa sebagai penjaga, rakan sebaya, suri teladan, pembimbing dan pendengar, aspek pengetahuan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti kebangsaan serta cabaran ibu bapa masa kini digarap sebagai garis panduan apa dan bagaimana pelibatan ibu bapa boleh berlaku (Pelibatan Ibu bapa, n.d.).

Program Transformasi Sekolah TS25 adalah satu usaha merangkai titik-titik dalam pembangunan kemenjadian murid di Malaysia menjelang 2025. Pelaksanaan program ini telah mendapat mandat daripada Mesyuarat Taskforce KPM PST Bil. 1/2015. Transformasi 2025 ini selaras dengan Inisiatif Gelombang 2 (2016-2020) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan peluasan pelaksanaan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam ekosistem sekolah (Program Transformasi Sekolah TS25 2.0, 2017). Malah Anjakan 9 untuk Transformasi Sistem menggariskan kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas adalah satu titik tolak kepada hubungan rakan kongsi sebenar untuk meningkatkan pembelajaran anak-anak. Satu daripada matlamat Program TS25 ialah mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan demi kejayaan murid (KPM, 2016/2017).

Sekolah memperoleh faedah berbentuk sokongan moral, bantuan kewangan dan sumbangan tenaga bakti daripada komuniti, manakala komuniti memperoleh faedah dari aspek peningkatan ilmu dalam kalangan anak-anak mereka (Ahmad Zabidi Abdul Razak & Mariani Md. Nor, 2007). Kekangan sekolah dari aspek persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif seperti kekurangan peralatan Pendidikan Jasmani dan peralatan yang rosak (Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhammad Akbar Zahidi, Rahmad Sukor Ab. Samad & Wee, 2014) dapat dibantu oleh komuniti seperti badan-badan korporat dan ahli perniagaan demi keselamatan murid-murid. Solomon, Battishich, Watson, Schaps dan Lewis (2000) menegaskan bahawa murid-murid yang mempunyai perasaan jaminan komuniti lebih berkecenderungan bermotivasi dari segi akademik bertindak secara etika dan membentuk kecekapan emosi dan sosial.

Di peringkat sekolah, PIBG dilihat sebagai pihak berkepentingan yang aktif berbanding dengan pihak-pihak lain dalam komuniti. Satu peranan yang dimainkan oleh PIBG adalah sebagai orang tengah antara guru dan ibu bapa. Banyak salah faham berlaku antara kedua-dua pihak contohnya kejadian salah laku dalam kalangan anak-anak dapat dijernihkan melalui inisiatif PIBG. Tabung pendidikan murid juga boleh ditubuhkan oleh PIBG menerusi sumbangan ahli persatuan bahkan oleh ahli korporat dan individu tertentu yang dapat dimanfaatkan untuk kebajikan murid dan prasarana pendidikan di sekolah (Peranan PIBG, 2009).

Bagaimanapun, kajian menunjukkan komuniti kurang berperanan dalam aktiviti PIBG (M. Ali Muz-Zammil Yassin & Moong Sow Kuan dlm. Siti Aliah Ismail, et al., 2016). Pelibatan PIBG hanya terhad kepada aktiviti kecil tertentu seperti Hari Kantin, mengutip derma atau gotong-royong (Wee, 1999).

Peranan yang kecil seperti ini tidak selaras dengan dapatan-dapatan yang menunjukkan kepentingan PIBG dan komuniti. Banyak kajian yang melihat penglibatan ibu bapa dalam pendidikan dan pencapaian akademik (Low Kai Lin & LiLia Halim, 2016; Abd. Razak Zakaria & Noraini Mohd Salleh, 2011 ; UPM., n.d. ; Ahmad Zabidi Abdul Razak & Mariani Md. Nor, 2007; Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail 2011; Norzahida bte Mohamed). Pencapaian akademik anak-anak di sekolah dipengaruhi oleh tahap sosio ekonomi keluarga selaras dengan penglibatan ibu bapa dan guru di sekolah (Low Kai Lin, & Lilia Halim, 2016).

Namun sejauh manakah hal ini memberikan implikasi kepada pelaksanaan Program TS25 masih awal untuk diperkatakan. Selain faktor kepimpinan berkesan dan guru berkualiti, sokongan PIBG dan komuniti yang padu ditonjolkan sebagai satu pendorong ke arah kejayaan Kerangka Konsep Transformasi Sekolah 2025. Sebagai pemegang taruh, kepentingan ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan sumbangan ibu bapa dan famili dalam pendidikan di Barat adalah signifikan. Kepimpinan sekolah TS25 perlu mendepani isu dan kepentingan kolaboratif sekolah, ibu bapa dan komuniti yang digarap sebagai objektif dalam perbincangan kertas ini selanjutnya.

## **OBJEKTIF**

Objektif kertas ini ialah untuk membincangkan:

1. Melihat isu-isu dan permasalahan yang dihadapi dalam membina kolaborasi antara sekolah, ibu bapa dan komuniti
2. Membincangkan teori dan model pelibatan ibu bapa yang boleh disesuaikan dalam konteks Malaysia untuk diaplikasi dalam Program TS 25
3. Membincangkan cadangan bagi meningkatkan kolaboratif kreatif dengan ibu bapa dan komuniti kepada kepimpinan sekolah TS25

Banyak kekangan dan isu-isu yang dihadapi oleh sekolah untuk membina kolaboratif dengan ibu bapa dan komuniti. Apabila Program TS25 ingin disemarakkan, kepimpinan sekolah perlu mendalami pernyataan masalah yang dibincangkan berikutnya demi mewujudkan sokongan ibu bapa dan komuniti yang padu sebagaimana tertera dalam Kerangka TS25.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dewasa ini pelbagai permasalahan antara pihak sekolah dengan ibu bapa telah wujud terutama dalam aspek ketidakpuasan hati dengan pengurusan sekolah dan guru-guru sama ada disuarakan melalui media massa, laporan polis dan tindakan guaman (Zainon Omar & Ahmad bin Esa, 2008). Komitmen ibu bapa dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah amat mengecewakan. Sikap ibu bapa yang suka menuding jari kepada pihak sekolah dalam sebarang isu dan menggunakan kuasa pemimpin politik tempatan untuk campur tangan dalam pentadbiran

sekolah menjejaskan hasrat kolaboratif kreatif antara sekolah dan komuniti. Pentadbir seringkali berhadapan dengan kedudukan mempertahankan sekolah dengan pihak berkepentingan dalam komuniti. Di luar bandar sekolah adalah sebagai pusat sosial dan budaya (Peshkin, 1982; Yap, 2005). Ibu bapa tidak memahami konsep dan kebaikan kolaboratif sekolah dengan komuniti mempunyai fahaman yang prejudis dan sangsi terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Siti Aliah Ismail, et al., 2016). Manakala sekolah menganggap pencapaian akademik adalah prioriti sekolah bukan membina hubungan dan perkongsian pintar dengan komuniti. Malah, kekerapan sekolah melibatkan pihak luar dalam aktiviti sekolah selalunya adalah lebih kepada kerjasama dengan jabatan kerajaan berbanding dengan pelibatan agensi-agensi lain seperti agensi swasta yang masih pada tahap rendah bagi aktiviti kolaborasi sekolah dan komuniti (Low Kai Lin & Lilia Halim, 2016).

Bagi murid miskin di Selangor, Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad dan Ismi Arif Ismail (2011) mendapati hubungan yang signifikan antara perbincangan, penjagaan dan komunikasi di rumah dengan pencapaian akademik. Pelibatan ibu bapa memberi sumbangan 745% ke atas pencapaian akademik pelajar. Namun Rohaty Mohd Majzub (2003) melihat ibu bapa daripada keluarga miskin kurang memperhatikan keadaan rumah dan merangsangkan pembelajaran di persekitaran mereka. Abidah Abd. Rahman (2014) turut mengkaji penglibatan ibu bapa murid berkeperluan khas di daerah Kuala Selangor berdasarkan Model Pelibatan Epstein. Dapatan memperlihatkan aspek keibubapaan paling diutamakan manakala kolaboratif dengan komuniti berada pada tahap sederhana (pilihan kelima). Hal ini menunjukkan pelibatan berbentuk kolaboratif masih perlu dipertingkatkan oleh pihak sekolah.

Kajian yang mengaplikasikan model Epstein perlu diperluas kerana kemampuannya untuk mengenal pasti sejauh mana ibu bapa berperanan dalam pendidikan anak-anak bagi membolehkan pihak berkepentingan merangka penambahbaikan untuk meningkatkan kolaborasi antara ibu bapa sekolah dan komuniti (Aida Hartini Mahmud & Zolkepli Haron, n.d.). Dapatan menunjukkan beberapa aktiviti kurang dilaksanakan oleh ibu bapa seperti kesukarelawanan, berhubung dengan guru melalui telefon membawa anak ke perpustakaan, bersembang dengan guru yang mengajar anak mereka atau datang ke kelas anak mereka. Dengan kata lain, ibu bapa kurang berfokus kepada aktiviti yang memerlukan mereka memperuntukkan masa bersama anak-anak, hadir atau berhubung dengan sekolah. Antara halangan kepada pelibatan ini ialah kekurangan masa, jadual kerja yang tidak anjal, masalah komunikasi dan sukar dihubungi, tidak tahu cara untuk melibatkan diri dan pengalaman negatif ibu bapa itu sendiri (Universiti Putra Malaysia, 2017). Justeru, majikan sebagai ahli komuniti dapat menyokong pelibatan ibu bapa dan komuniti dengan menyediakan jadual anjal dan polisi untuk mengambil cuti, *job sharing* atau *lunchtime flex*, membenarkan pekerja bercuti (sama ada sehari / beberapa jam) untuk membolehkan ibu bapa menguruskan persekolahan anak untuk pekerja yang mempunyai anak, sokongan dan pendidikan dan melaksanakan CSR (corporate social responsibilities). Tindakan-tindakan seperti ini merupakan satu jalinan kolaboratif apabila majikan dalam komuniti membuka ruang kepada ibu bapa berkomunikasi dengan pihak sekolah pada masa dan tempoh yang dibenarkan.

Lima aspek pelibatan sering menjadi fokus dan dapatan kajian. Aida Hartini Mahmud dan Zolkepli Haron (n.d.) tidak mengkaji aspek pelibatan yang keenam iaitu kolaborasi sekolah dengan komuniti. Ketiadaan fokus kepada jenis pelibatan keenam ini juga disoroti dalam kajian


Zulkifli Abd. Hamid (et al., 2011) yang mengenal pasti aspek perbincangan, penjagaan dan komunikasi ibu bapa (Hill & Tyson, 2009) sebagai komponen kritikal bagi pelibatan ibu bapa yang mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik murid.

Isu-isu dan cabaran ini perlu ditangani terlebih dahulu dalam Pelan Intervensi Transformasi Sekolah (PinTas) yang menentukan hala tuju kolaboratif antara sekolah dan ibu bapa serta komuniti menjelang tahun 2025. Kepimpinan sekolah perlu membuat perancangan berkaitan hubungan dengan komuniti, bagaimana isu-isu dan permasalahan yang dihadapi di sekolah masing-masing dengan membina kolaboratif kreatif merangkai titik-titik ke arah mencapai matlamat TS25. Persoalannya, sejauh manakah sekolah-sekolah di Malaysia mengalu-alukan ibu bapa dan komuniti untuk memainkan peranan yang lebih konkrit dalam membantu anak-anak mereka dalam proses pembelajaran? (Sharifah Md. Nor, Zakaria Kasa & Foo Say Fooi, 2001). Malah, kekerapan sekolah melibatkan pihak luar dalam aktiviti kolaboratif dengan sekolah terutama agensi bukan kerajaan masih berada pada tahap rendah (Low Kai Lin & Lilia Halim, 2016). Kolaborasi ini amat penting lebih-lebih lagi bagi mentransformasikan sekolah TS25. Untuk mencapai hasrat Kerangka TS25, kepimpinan sekolah perlu ada anjakan paradigma dalam sistem sekolah daripada konsep tanggungjawab berasingan (*separate responsibilities*) ditransformasikan kepada "*shared responsibilities*". Kedua-dua pihak berkongsi tanggungjawab dan akauntabiliti dalam menyediakan keperluan sosial, emosi dan psikologi kepada murid sekolah.

Daripada pernyataan masalah yang diutarakan, hubungan komuniti-sekolah sememangnya menjadi keutamaan dalam perancangan transformasi sekolah TS25. Kertas ini seterusnya meneroka teori dan model hubungan sekolah dan komuniti yang boleh diaplikasikan dalam konteks kolaboratif kreatif di sekolah TS25.

## TEORI DAN MODEL HUBUNGAN SEKOLAH DAN KOMUNITI

Teori dan model berkaitan hubungan sekolah dengan komuniti dapat dilihat dalam bentuk hubungan tiga dimensi. Hubungan tiga dimensi iaitu sekolah, rumah dan komuniti merupakan perkongsian pintar dan satu gabungan strategik yang membawa faedah sinergi kepada semua pihak yang terlibat. Untuk menjadikan pembelajaran bermakna dalam Program TS25, murid-murid memerlukan perkongsian sekolah dengan komuniti. Kalau tidak dikukuhkan ikatan perpaduan sekolah akan bergerak bersendirian tanpa sokongan masyarakat (Mohd Salleh bin Mahat, 2004).



Rajah 1: Hubungan tiga dimensi sekolah, ibu bapa dan komuniti dalam mencapai matlamat TS25

Terdapat beberapa model membincangkan bagaimana bentuk hubungan antara sekolah, keuarga dan komuniti. Gordon (1977) mengemukakan **Model Partnership Impak Sekolah** meletakkan guru sebagai profesional dalam bidang pendidikan. Sekolah menggunakan pelbagai teknik komunikasi, memberikan panduan satu hala untuk menarik respon ibu bapa dan famili terhadap tuntutan sistem pendidikan. Hubungan ini bersifat *unidirectional*. Bagaimanapun, cara ini tidak dapat menarik keaktifan dan mengekalkan pelibatan ibu bapa. **Model Impak Famili** pula menunjukkan bagaimana ibu bapa boleh terlibat sebagai sukarelawan atau dalam jawatankuasa ibu bapa untuk mengubah sekolah supaya lebih responsif terhadap keperluan ibu bapa dan rumah. Manakala **Model Perwakilan** (Seeley, 1989) menyatakan ibu bapa mewakilkan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka kepada guru yang menerima tanggungjawab itu. Sebarang campur tangan sama ada dalam bentuk nasihat atau pembuatan keputusan dianggap mengganggu tugas guru.

**Model Partnership Protective** oleh Swap (1993) pula menunjukkan bagaimana konflik antara ibu bapa dan guru dikurangkan dan sekolah dilindungi daripada gangguan dan campur tangan ibu bapa. Satu bentuk peraturan ditetapkan sebagai *blueprint* untuk mengelakkan interaksi yang intensif antara rumah dan sekolah. Model ini menetapkan peranan guru dan sekolah diasingkan. Fokus **Model Transmisi Sekolah-Rumah** seterusnya kepada kesinambungan antara sekolah dan rumah dan kepentingan peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Guru perlu komunikasikan apa yang perlu dibuat oleh ibu bapa untuk menyokong objektif sekolah dan perkembangan anak. Akhirnya, **Model Pengayaan Kurikulum** bersandarkan andaian sekolah dan ibu bapa bekerjasama dari segi kepakaran dan saling berinteraksi untuk pengayaan objektif dan konteks kurikulum.

Dilihat dari perspektif yang lain pula, teori yang pertama berkaitan hubungan keluarga dan sekolah ialah *separate influence* (pengaruh secara berasingan) melihat tiada hubungan antara pihak sekolah dan keluarga. Sekolah dan keluarga dianggap sebagai dua entiti yang berasingan. Manakala Model Tanggungjawab secara Berurutan (*Sequenced-responsibilities*) mengandaikan keluarga berperanan untuk mengasuh anak dan pihak sekolah pula mendidik mereka. Akhirnya, Model Pengaruh secara Bertindan (*Overlapping influence*) mengetengahkan kolaborasi kerjasama, dan pakatan antara keluarga dan pihak sekolah pada tahap tertentu (UPM, n.d.)



Rajah 2 : Teori *overlapping influence*

Teori ini menerangkan perkaitan antara rumah, sekolah dan komuniti dengan pendidikan dan pembangunan anak-anak. Jika ketiga-tiga sfera berkolaborasi, interaksi ini memungkinkan sokongan yang lebih bermakna kepada hasrat transformasi pendidikan negara TS25. Murid-murid datang ke sekolah membawa budaya etnik dan keluarga mereka yang dinamik. Pengajaran tidak berlaku secara berasingan tetapi bersama-sama dengan seluruh keluarga, kejiwaan dan masyarakat. Hal ini yang disebut sebagai pengaruh teori pertindihan sfera (Epstein, 2001). Darjah pertindihan kesan pengaruh institusi tersebut boleh menjadi semakin besar atau kecil (Siti Aliah Ismail, et al., 2016). Sekolah, keluarga dan komuniti perlu



bekerjasama, bertindak dan memberikan sokongan dalam pertindihan pengaruh ini bagi kejayaan murid di sekolah. Kesan pertindihan sfera tersebut menonjolkan faktor luaran iaitu kepercayaan, amalan dan pengalaman keluarga, sekolah dan komuniti manakala faktor dalaman termasuk interaksi antara sekolah, keluarga dan komuniti sebagai unit yang besar.

Hasil daripada kesan pertindihan sfera tersebut Epstein (1995) mengemukakan enam jenis penglibatan atau permuafakatan ibu bapa iaitu:

- a. Program keibubapaan yang diinisiatiskan oleh pihak sekolah untuk mewujudkan persekitaran rumah yang menyokong pembelajaran murid
- b. Sekolah membentuk komunikasi dua hala seperti hari terbuka, Hari Jaya Waris, laporan perkembangan murid, membuat panggilan telefon dan informasi tentang pembaharuan atau perubahan yang berlaku di sekolah contohnya Program TS25.
- c. Aktiviti kesukarelawanan yang dilatih oleh pihak sekolah untuk memberi bantuan dan sokongan kepada murid dan sekolah seperti menjaga keselamatan murid atau meraikan guru pada Hari Guru.
- d. Aktiviti pembelajaran di rumah yang disediakan bantuan oleh pihak sekolah seperti cara membimbing anak membuat kerja rumah dan kemahiran untuk sesuatu subjek.
- e. Membuat keputusan bersama berkaitan aktiviti sekolah secara aktif sebagai pemimpin dan peserta seterusnya membina jaringan antara keluarga dan komuniti
- f. Kolaboratif komuniti untuk mengintegrasikan sumber dan perkhidmatan daripada komuniti di samping sekolah juga memberikan perkhidmatan kepada komuniti melalui aktiviti yang mengukuhkan hubungan tiga dimensi antara sekolah, keluarga dan komuniti. Contohnya, sekolah mengintegrasikan perkhidmatan yang melibatkan agensi atau organisasi tertentu manakala komuniti memberi sumbangan kepada aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pembelajaran, bakat dan program cuti sekolah.

Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) mengutarakan tiga faktor penting dalam model penglibatan ibu bapa iaitu kepercayaan tentang keperluan pelibatan dalam pendidikan anak mereka, efikasi sendiri ibu bapa dan sikap terbuka sekolah terhadap ibu bapa. Pelibatan ibu bapa dipengaruhi oleh jangkauan ibu bapa sendiri dan persekitaran mereka seperti rakan, individu dan sekolah (Ahmad Zabidi & Mariani Md Nor, 2007). Ibu bapa membuat pilihan aktiviti yang dianggap penting dan sesuai dengan tindakan yang diambil untuk anak-anak mereka. Di sekolah, pelibatan sebenar ibu bapa boleh berlaku apabila mereka bertindak berdasarkan kepercayaan bahawa aktiviti pendidikan adalah satu aspek tanggungjawab dalam meningkatkan pencapaian anak-anak mereka. Efikasi ibu bapa dalam kemahiran keibubapaan mempengaruhi kebersamaan antara sekolah dengan ibu bapa sebagai komuniti. Hal ini ada kaitannya dengan pelibatan membuat keputusan. Kolaboratif antara sekolah dan komuniti memerlukan pihak pengurusan sekolah membina persefahaman antara guru dan ibu bapa. Isu-isu yang perlu ditangani ialah guru tidak memahami keperluan ibu bapa, ibu bapa tidak memahami kerja sekolah anak, guru tidak menyokong usaha ibu bapa, ibu bapa tidak berminat untuk melibatkan diri, masalah komunikasi dan ibu bapa tidak pasti cara untuk menyumbang kepada pihak sekolah. Jemputan daripada murid dan guru penting untuk menggalakkan pelibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

Berger (1983) mengkategorikan penglibatan ibu bapa kepada (a) ibu bapa yang mengelak dari sekolah, (b) ibu bapa perlu galakan dari sekolah (c) ibu bapa sukarela datang jika dijemput

(d) ibu bapa komited dan berasa seronok melibatkan diri dan (e) ibu bapa suka menonjolkan kuasa dan pengaruh di sekolah. Pihak pengurusan sekolah mesti berperanan sebagai *morale builder programme designer* dalam membina kolaboratif kreatif dengan ibu bapa dan komuniti. Dasar pintu terbuka, menyediakan bilik perjumpaan dengan ibu bapa dan memberi sokongan kepada PIBG adalah satu usaha kepimpinan sekolah TS25 membina perkongsian pendidikan (*educational partnership*). Pihak sekolah mesti menjemput ibu bapa untuk melibatkan diri dan ibu bapa mesti memberi respon dalam bentuk komunikasi dua hala.

Banyak pengkaji menggunakan Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (Aida Hartini Mahmud & Zolkepli Haron, n.d.) berdasarkan andaian bahawa perkongsian paling berkesan apabila tiga pihak iaitu ibu bapa dan komuniti berkongsi matlamat dan misi melibatkan anak-anak dan berkolaborasi bagi mencapai matlamat dan visi pendidikan. Justeru, Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan satu kerangka yang standard bagi mengkaji pelibatan ibu bapa dengan merujuk enam jenis pelibatan ibu bapa yang bersesuaian dengan lokaliti sekolah di Malaysia.

Seterusnya, perbincangan kertas ini difokuskan kepada cadangan-cadangan untuk menghasilkan kolaboratif kreatif TS25 sekolah-komuniti sebagai penggerak pembelajaran bermakna dalam Program TS25.

### **CADANGAN KOLABORATIF KREATIF KOMUNITI DAN SEKOLAH TS25**

Untuk menghasilkan kolaboratif kreatif sekolah dan komuniti sebagai rakan kongsi, Swap (1993) mencadangkan tiga falsafah bagi menjayakannya iaitu:

- a. Falsafah transmisi sekolah – rumah. Sekolah menunjukkan apa yang ibu bapa boleh lakukan untuk menyokong kejayaan murid dan menerapkan nilai budaya dominan yang merupakan amalan di sekolah
- b. Falsafah pembelajaran interaktif. Guru akan berkerjasama dengan ibu bapa untuk kesinambungan antara kelas dan rumah dan membantu ibu bapa memahami ritual dan nilai yang dipegang oleh sekolah
- c. Falsafah komuniti sebagai rakan kongsi untuk kejayaan sekolah. Ibu bapa dialu-alukan sebagai aset dan sumber serta dihormati dalam hubungan setara. Ibu bapa dan komuniti diberikan kepercayaan untuk menambak pendidikan murid-murid.

Daripada kerterbukaan kepimpinan sekolah, konsep *Smart Community* (Mohd Salleh bin Mahat, 2004) sebagai satu usaha kolaboratif sekolah dan komuniti boleh dilaksanakan dari aspek sumber kewangan, alatan dan barangan, sumber manusia dan kepakaran, sokongan moral, nilai komersil dan sokongan politik di pelbagai peringkat:

- i. Dalam sekolah iaitu sesama warga sekolah
- ii. Antara sekolah, institusi pendidikan tinggi / zon pendidikan
- iii. Bersama PIBG – ibu bapa dan penjaga
- iv. Bersama masyarakat setempat atau masyarakat luar
- v. Bersama dunia korporat

Bagaimanakah kepimpinan sekolah boleh merangkai titik-titik secara kreatif dalam kolaboratif sekolah-komuniti sebagai fokus elemen memperkukuh hubungan dengan komuniti dalam TS25? Hubungan yang baik dapat dijalin berasaskan nilai yang dikongsi bersama,



kepercayaan, jangkaan dan tanggungjawab melebihi tugas, peraturan dan hiraki (Redding & Thomas, dlm. Franklin, 2011). Dengan kolaboratif sekolah-komuniti yang kukuh, murid-murid mendapat manfaat dengan “*a village*” untuk mendidik mereka dan orang dewasa mendapat faedah dapat berkomunikasi tentang pengalaman membesarkan anak dan meningkatkan *sense of camaraderie*. Elemen yang ditemui dalam kolaboratif sekolah dan komuniti menekankan aktiviti dihalakan kepada keperluan dan sumber komuniti dan fleksibel untuk berubah kerana komuniti perlu berubah, peranan aktif ibu bapa, murid, pemastautin dan organisasi membimbing polisi dan amalan melalui peranan contohnya sebagai jawatankuasa penasihat (Franklin, 2011).

Untuk menggerakkan kolaboratif kreatif dengan komuniti, sekolah hendaklah menyediakan:

- maklumat berkaitan kesihatan, budaya, rekreasi, sokongan sosial dan program-program.
- maklumat tentang aktiviti komuniti yang ada perkaitan dengan kemahiran belajar ataaau bakat termasuk program motivasi untuk murid.
- Pihak sekolah boleh menyelaraskan sesi perkongsian melibatkan sekolah, sivik, kaunseling, budaya, kesihatan dan rekreasi dengan agensi, organisasi dan perniagaan setempat.
- Memberikan perkhidmatan kepada komuniti oleh murid, famili dan sekolah
- Pelibatan alumni dalam program sekolah
- Padankan sumbangan komuniti dengan matlamat sekolah, selaraskan khidmat murid dan famili dengan pendidikan.

Kepimpinan sekolah perlu kreatif dengan menawarkan khidmat murid-murid yang dilatih kepakarannya untuk membantu komuniti. Sekolah boleh menggunakan kepakaran murid atau guru atau kebitaraan sekolah contohnya yang merupakan asset dan kekuatan sekolah dalam Program *Reaching into communities* (Boss, 2008). Satu contoh menarik ialah Program Kepimpinan Teknologi yang merupakan satu usaha kreatif sekolah dalam bentuk sokongan teknikal komputer boleh dipeluaskan kepada komuniti dengan membina laman web untuk organisasi bukan berasaskan keuntungan, mengajar orang dewasa tentang internet dan sebagainya. Di sinilah adanya *community connect* hasil hubungan dua hala antara sekolah dan komuniti.

Saranan-saranan ini selaras dengan kepimpinan sekolah yang sentiasa berhadapan dengan cabaran, masalah dan pelbagai persoalan yang perlu diselesaikan (Fullan dlm. Siti Aliah Ismail et al., 2016). Komitmen sekolah, sokongan penglibatan komuniti, keterbukaan dan penerimaan persekitaran sekolah dan komunikasi dua hala dengan komuniti memerlukan peranan kepimpinan sekolah yang berkesan (Sanders & Harvey, 2002). Siti Aliah Ismail dan rakan (2016) mengemukakan faktor kepimpinan transformasi dan komunikasi sebagai kunci kejayaan kepada kolaboratif sekolah dan komuniti. Hal ini selari dengan pengurusan perubahan ke arah Transformasi 2025.

Komunikasi hendaklah ditransformasikan secara kreatif. Gary dan Witherspoon (2011) mencadangkan tiga cara untuk membina komunikasi dua hala iaitu menggunakan jaringan internet untuk berkongsi kejayaan sekolah, menyediakan senarai sumbangan yang diberi dan makluman kejayaan murid dengan menghantar nota kepada keluarga, mengeluarkan berita, gambar dan buletin komuniti dan mempromosikan kejayaan sekolah kepada komuniti. Kepentingan komunikasi ini melahirkan perasaan kesepunyaan terhadap sekolah, informasi yang

jelas, ibu bapa jelas cara bagaimana untuk memberikan sokongan, mengeratkan hubungan melalui informasi dan strategi kreatif serta mendapatkan impak yang positif apabila sekolah lebih terbuka dengan sumbangan komuniti untuk kecemerlangan organisasi (Davies, 2002).

Kajian Hughes dan MacNaughton (2003) mencadangkan empat prinsip hubungan iaitu mengalu-alukan kedatangan ibu bapa, menerangkan pengurusan dan perjalanan aktiviti di sekolah untuk mengurangkan kebimbangan ibu bapa/penjaga, sentiasa menerima ibu bapa yang pelbagai sosio budaya, dan mengalu-alukan sumbangan daripada ibu bapa, pengetahuan serta idea mereka dalam mendidik anak. Model hubungan sekolah dengan komuniti merupakan satu cadangan pertukaran idea serta perkongsian bijak antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti bagi faedah bersama.

Dalam konteks PIBG, sedikit pengubahsuaian kepada struktur PIBG perlu dibuat iaitu penubuhan Biro ICT untuk kutipan data pelibatan ibu bapa bagi melihat keberkesanan sekolah dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) yang merangkumi pelbagai bidang kerjaya, kepakaran, agensi atau organisasi dalam komuniti (Sumbangan ibu bapa, 2013). *Community partnerships* ini dapat dibentuk daripada data dan maklumbalas daripada ibu bapa seperti mana yang dilaksanakan oleh sebuah sekolah berprestasi rendah di kawasan luar bandar New Hampshire. Majlis lokal diadakan seperti Old Home Day, mesyuarat atau dialog bersama komuniti, forum public bagi mendapatkan apa yang dikehendaki oleh komuniti dan bagaimana situasi yang diinginkan. Hal ini membuka peluang kepada murid dan ahli komuniti untuk meluahkan hasrat mereka dan mempunyai rasa kesepunyaan terhadap sekolah. Suara murid dan komuniti ini diserapkan dalam *Justice Committee* yang membolehkan murid membantu antara satu sama lain menangani konflik mengurangkan kadar ponteng dan isu digantung persekolahan. Di Pittsfield Middle High School, perubahan-perubahan ini memberikan impak yang positif kepada kadar keciciran, pelibatan murid dan keberhasilan murid untuk melanjutkan pelajaran (Minero, 2017). Pengalaman di Tri-County Country Early College mengetengahkan *community partnerships* dalam bentuk Mentor Komuniti dan Pembelajaran Berasaskan Projek (Haigler, 2017). Contohnya, murid mendapatkan konsultasi dan permentoran membuat prototaip satu *solar-panel charger* daripada juruelektrik atau membuat *go-kart frame* setelah direkrut oleh pelajar dari kolej komuniti berhampiran. Penjanaan idea tentang bagaimana boleh menambahbaik suatu perisian boleh diperolehi daripada ahli komuniti yang terbabit dalam kerjaya tersebut.

Menariknya *community partnerships*, begitulah juga dengan *Community walks* (CW) yang merupakan satu cara lagi untuk merapatkan jurang antara sekolah dan famili (Safir, 2017). Pengalaman jelajah ini dilaksanakan di Oakland International High School (OHIS) yang membolehkan pendidik belajar tentang murid mengikut termannya sendiri. Rutin transformatif ini berdasarkan langkah-langkah dan Pelan Tindakan berikut:

1. Tetapkan tujuan yang jelas. Mengapa sekolah pilih adakan CW? Komuniti yang manakah ingin dipelajari?
2. Bina soalan pembelajaran. Bolehkah anda lakar apa yang diharapkan dipelajari?
3. Bentuk norma-norma untuk wujudkan rasa hormat. Adakah anda dan jawatankuasa berbincang bagaimana menunjukkan rasa hormat apabila bertemu komuniti? Adakah norma-norma tingkah laku dibentuk?

4. Jemput murid daripada famili dan komuniti untuk mengambil bahagian. Contohnya, adakah anda bertanya kepada murid dan ibu bapa untuk mengenal pasti tempat yang paling penting untuk dilawati sebagai pembelajaran? Adakah anda melatih murid untuk rekabentuk pengalaman yang bermakna?
5. Strukturkan pengalaman. Adakah anda sediakan masa pada waktu bekerja untuk terlibat? Masa untuk sesi perbincangan tentang pengalaman? Adakah dirancang proses refleksi untuk kongsi hasil pembelajaran?

Cadangan-cadangan untuk mewujudkan kolaboratif kreatif antara sekolah dan komuniti perlu dipandang serius oleh kepimpinan Sekolah TS25. Tanpa sokongan padu hasil kolaboratif dengan komuniti, sekolah tidak berupaya merangkai titik-titik fokus TS25. Impaknya, perjalanan pelaksanaan Program TS 25 di sekolah tidak dapat direalisasikan. Selain daripada kepimpinan dan guru berkualiti, elemen kerjasama ibu bapa dan komuniti tidak boleh dipinggirkan. Mahu tidak mahu kepimpinan sekolah hendaklah membina kolaborasi kreatif yang boleh mentransformasikan sekolah dalam mencapai hasrat Kerangka TS25 penggerak pembelajaran bermakna.

## **IMPAK SUKSES DAN KISAH KOLABORATIF KREATIF SEKOLAH DAN KOMUNITI**

Kisah kejayaan kolaboratif sekolah dan komuniti dapat dilihat daripada kolaboratif SK Zainab 2 Kelantan dengan DBP untuk e-Qalam, SK Alam Megah 2 dengan Proton Edar Sdn. Bhd., PIBG dan alumni SK Ulu Ubai dengan aktiviti gotong royong dan SK Setiawangsa (komuniti setingan mendapat gelanggang furtsal, bola tampar, bola jaring dan bola sepak). Kisah kejayaan lainnya ialah SMK Sri Lalang (Sarana Ibu bapa, n.d.) dengan FELDA dan bantuan Briged Komuniti (40 agensi kerajaan dan pertubuhan masyarakat) bagi menangani masalah ketidakhadiran murid. Di SMK Seksyen 9, isu ketidakhadiran dan lewat ke sekolah ditangani oleh ibu bapa yang membuat kajian dan mencadangkan tindak susul Cakna Menulis bagi menanganinya. Jawatankuasa Kebitaraan Sekolah pula dianggotai oleh ibu bapa sebagai rakan kongsinya memandangkan ibu bapa mempunyai kepakaran tertentu yang sangat dihargai. Kelab tarian ditaja dan dilatih oleh ibu bapa yang merupakan pensyarah UiTM. KSIB sedia berkhidmat mengikut tingkatan manakala alumni menyumbang secara wakaf untuk masjid sekolah. Sistem wakaf kerusi juga diamalkan di SK Seksyen 27(2). Kolaboratif SMK Seafiled pula menyerlah dengan keaktifan ibu bapa sebagai Library's Angel. Ibu bapa juga terlibat dengan *Class Makeover*, Persatuan Zumba membuat koleksi dana untuk taman sekolah, komuniti menggunakan kemudahan sekolah telah membaiki tiang gol yang rosak di SK Perdana Jaya SS19 dan SK Saujana Puchong adalah antara kisah kreatifnya kepimpinan sekolah menjalin kolaboratif dengan komuniti bagi kepentingan sekolah.

### **Catatan: Secebis penghargaan untuk komuniti**

Senarai semak iklim fizikal dalam Sarana Sekolah (n.d.) menyarankan apabila masuk ke kawasan sekolah, pelawat diminta mengambil lencana/pas tertulis "IBU BAPA", "ALUMNI", "SUKARELAWAN" atau "PELAWAT" bagi menunjukkan pihak sekolah menganggap mereka daripada komuniti dihargai. Di papan kenyataan terdapat ucapan penghargaan dan terima kasih

kepada PIBG/LPS alumni/komuniti atas sumbangan mereka. Jadikannya satu amalan terbaik untuk TS25!

## **PENUTUP**

Kolaboratif komuniti - sekolah merupakan satu perkongsian bijak bagi merangkai titik-titik ke arah transformasi pendidikan TS25 yang berfokuskan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Sekolah dan komuniti saling mengiktiraf, rasa hormat, saling menyokong untuk menggerakkan pembelajaran bermakna. Sekolah memulakan langkah mendekati ibu bapa dan komuniti untuk menarik kebersamaan komuniti agar menyedari bahawa masing-masing berperanan dan bertanggungjawab kepada proses pembelajaran. Kepimpinan sekolah hendaklah merangkai titik-titik ini agar dapat difokuskan kepada kemenjadian murid yang dihasratkan dalam Program TS25. Teori Pertindihan Sfera dan Model Pelibatan Ibu Bapa (Epstein, 1995, 2001; Gordon, 1977; Seeley, 1989; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995, 1997), saranan Swap (1993) untuk perkongsian sekolah-komuniti yang mengalu-alukan ibu bapa dan komuniti sebagai aset dan sumber dalam hubungan setara dan diberi kepercayaan untuk menambah baik pembelajaran anak-anak mereka merupakan satu titik permulaan yang jernih kepada kolaboratif kreatif antara sekolah dan komuniti. Cadangan untuk membina kolaboratif kreatif kepada kepimpinan sekolah TS25 selari dengan unsur transformasi dan perubahan hubungan rutin kepada kolaboratif kreatif antara sekolah dan komuniti. Hasilnya kepimpinan dapat membina jaringan dan jalinan berimpak tinggi bagi fokus kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. TS 25 bukan sekadar hasrat dalaman sekolah tetapi hasrat yang dijelmakan dalam kebersamaan “insiemei” dengan komuniti luar penggerak pembelajaran bermakna.

## **RUJUKAN**

- Abd. Rahman Hj. Ali, Haron Mohamed & Zaleha Abu Hassan (2014). *Transformasi PIBG murid meningkat prestasi aspirasi menjadi realiti*. United Mission Press Sdn Bhd. Seri Kembangan.
- Abd. Razak Zakaria & Noraini Mohd Salleh ((2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1) 35-44.
- Abidah binti Abd. Rahman (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan rancangan pendidikan individu (RPI) murid berkeperluan khas. *Tesis Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI*.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak & Mariani Md. Nor (2007). Model hubungan sekolah dan komuniti bagai peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran : Satu cadangan. Diakses dpd <https://www.scribd.com/doc/36236658/Komuniti-Dan-Sekolah>
- Aida Hartini Mahmud & Zolkepli Haron (n.d.). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah rendah. Diakses dpd <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/08-Aida-Hartini-Mahmud.pdf> pada Mei 17 2018.
- Boss, S. (2008). Project based learning. Community connect : The bluegrass state blends technology and service learning. Dipetik dpd <https://www.edutopia.org> pada Mei 17 2018.

- Chad M.H. & Moles, K. (2011). Maximizing parent involvement : Revisiting Joyce Epstein's model for school, family & community partnerships.
- Epstein J.L. Sanders M.G., Simon, B.S. Salinas, K.C., Jansorn, N.R. & Van Voorhis, F.L. (2002). *School, family and community partnerships: Your handbook for action (2<sup>nd</sup> ed.)*. Thousand Oaks, CA, US: Corwin Press.
- Franklin M.K. (2011). School and community, community and school : A case study of a rural Missouri setting. *Educational Administration : Theses, Dissertations, and Student Research* (63). Dipetik dpd <http://digitalcommons.unl.edu/cehsedaddiss/63>.
- Green, C.L. Walker, J.M., Hoover-Dempsey K.V. & Sandler, H.M. (2007). Parents' motivations for involvement in children's education: An empirical test of a theoretical model of parental involvement. *Journal of Educational Psychology*, 99 (3), 532–544.
- Haigler, A. (2017). Using community mentors and projectbased learning, this rural high school is opening up opportunities for its students. Diakses dpd <http://edutopia.org/article/town-helps-transform-school> 2018 Mei 15.
- Hill N.E., Tyson, D.F., (2009). Parental involvement in middle school: A meta-analytic Assessment of the strategies that promote achievement. *Developmental Psychology*, 25(3), 740-763.
- Hoover-Dempsey K.V. & Sandler, H.M. (1995). Parental involvement in childrens education:: Why does it mak e difference? *Teachers College Record*, 97, 310-331.
- Hoover-Dempsey K.V. & Sandler, H.M. (1997). Why do parents become involved in their children's education. *Review of Educational Research*, 61(3), 3- 42.
- Jennifer We Beng Neo, Sharifah Md. Nor. Zakaria Kasa & Foo Say Fooi (2001). Models of school-family partnership: The Malaysian context. *Pertanika Journal of Social Science & Human* 9(1) 35-47.
- Low Kai Lin & Lilia Halim (2016). Pengaruh penglibatan ibu bapa / penjaga dalam pencapaian akademik Sains pelajar di Sekolah Berprestasi Tinggi Melaka. Dipetik dpd. <https://sted2017.files.wordpress.com/2016/12/2-8-low-kai-lin-lilia-halim.pdf>
- Minero, E. (2017). A town help transform its school. A low performing rural school in New Hampshire reached out to the local community for help turning things around. Dipetik dpd <http://edutopia.org/article/town-helps-transform-school-emelina-minero> pada 2018 Mei 15.
- Mohd Salleh bin Mahat (2004). Perkongsian dalam pendidikan – fokus di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan MPBL(5)* 65-74.
- Norzahida bte Mohamed (n.d.). Komitmen ibu bapa menerusi PIBG dalam membantu pencapaian akademik pelajar. *Tesis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Pelibatan ibu bapa (n.d.) Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Peranan PIBG dalam meningkatkan kualiti pendidikan sekolah (2009). Dipetik dpd <http://mazlan66.wordpress.com/2009/05/25/peranan-pibg-dalam-meningkatkan-kualiti-pendidikan-di> sekolah/
- Safir, S. (2017). Community walks create bonds of understanding. When

- students lead teachers through communities, ntrhe cultural exchange can have a transformational effect on school culture. Dipetik dpd <https://www.edutopia.org/blog/community-walks-create-bonds-understanding-shane-safir> pada Mei 17 2018.
- Sarana Ibu Bapa (n.d.) Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Aliah Ismail, Muhamad Suhaimi Taat & Jamaluddin Mohd Ali (2016). Permuafakatan sekolah dengan komuniti dalam pendidikan :Peran an kepimpinan transformasional dan komunikasi pengetua. *E-Proceeding international conference on postgraduate research 2016*. 382-401.
- Sumbangan ibu bapa kepada keberkesanan sekolah (2013). Dipetik dpd <https://dr.jamiladimin.wordpress.com/2013/06/2/sumbangan-ibu-bapa-pada-April-13,2018>.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi, Rahmad Sukor Ab. Samad & Wee, A.S.S.L., (2014). Faktor kekangan ibu bapa dan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan pengajaran pendidikan jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 2(2) 1-13.
- Universiti Putra Malaysia (n.d.) Penglibatan ibu bapa/komuniti dalam Pendidikan. Diakses dpd [vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/edu3051\\_1315209530.ppt](http://vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/edu3051_1315209530.ppt) pada 2018 Mei 15.
- Zainon bt Omar & Ahmad bin Esa (2008). Persepsi guru terhadap hubungan pihak sekolah dengan ibu bapa : Satu proposal (2008). *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB, 16 Oktober 2008*.
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2) 31-40.